



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Azman Ismail, Sarah Samsudin, Hazny Saleh & Nur 'Izzatty Muhiddin. (2026). Representasi etnoforestri dan kearifan tempatan dalam novel-novel Shahnnon Ahmad. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 80-98. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.5>

REPRESENTASI ETNOFORESTRI DAN KEARIFAN TEMPATAN DALAM NOVEL-NOVEL SHAHNON AHMAD

(Representation of Ethnoforestry and Local Wisdom in the Novels of Shahnnon Ahmad)

¹Azman Ismail, ²Sarah Samsudin, ³Hazny Saleh & ⁴Nur 'Izzatty Muhiddin

^{1,2&3}Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Malaysia

⁴UNITAR International University, Malaysia

¹Corresponding author: azman@aswara.edu.my

Received: 14/1/2026

Revised: 3/3/2026

Accepted: 21/3/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti penerapan elemen etnoforestri dalam tiga buah novel terpilih karya Shahnnon Ahmad, iaitu *Rentong* (1965), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) dan *Srengenge* (1973), berasaskan kerangka etnoforestri yang dikemukakan oleh Deep Narayan Pandey. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan empat asas utama etnoforestri iaitu perlindungan, perladangan, produksi/perhutanan pertanian, serta tradisi lisan dan sistem kepercayaan sebagaimana yang direpresentasikan melalui watak, latar dan konflik dalam teks-teks tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui analisis kandungan bagi meneliti teks secara konseptual dan hubungan, dengan menumpukan kepada gambaran hutan, tanah, sungai, biodiversiti, sistem nilai dan kearifan tempatan masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Shahnnon Ahmad secara konsisten membina wacana etnoforestri melalui representasi pengetahuan dan kearifan tempatan dalam pengurusan tanah, pemanfaatan sumber hutan, pemeliharaan ekosistem, serta konflik manusia-alam yang berpunca daripada keperluan sara hidup dan perubahan pandangan dunia. Novel-novel ini sekali gus berfungsi sebagai dokumen sastra yang merakamkan hubungan simbiotik antara masyarakat Melayu Kedah dengan alam sekitar pada dekad 1960-an dan 1970-an.

Kata kunci: Etnoforestri, ekosistem, biodiversiti, kearifan tempatan, Shahnnon Ahmad.

ABSTRACT

This study examines the incorporation of ethnoforestry elements in three selected novels by Shahnon Ahmad, namely Rentong (1965), Ranjau Sepanjang Jalan (1966), and Srengenge (1973), based on the ethnoforestry framework proposed by Deep Narayan Pandey. The objective of this study is to identify and analyse four core components of ethnoforestry such as protection, plantation, production/agroforestry, as well as oral traditions and belief systems as represented through characters, settings, and conflicts in the texts. This study adopts a qualitative descriptive approach through content analysis to examine the texts both conceptually and relationally, with a focus on representations of forests, land, rivers, biodiversity, value systems, and local wisdom within the Malay community. The findings indicate that Shahnon Ahmad consistently constructs an ethnoforestry discourse through representations of local knowledge and wisdom in land management, forest resource utilisation, ecosystem conservation, and human–nature conflicts arising from subsistence needs and shifting worldviews. These novels thus function as literary documents that record the symbiotic relationship between the Malay community of Kedah and their natural environment during the 1960s and 1970s.

Keywords: *Ethnoforestry, ecosystem, biodiversity, local wisdom, Shahnon Ahmad.*

PENGENALAN

Setiap masyarakat dunia memiliki sistem pengetahuan, kaedah dan pendekatan tertentu untuk mengguna, mengelola, memulihara dan dan melakukan aktiviti-aktiviti hutan melalui kearifan tempatan (*local genius*), pengetahuan tempatan (*local knowledge*) dan warisan tempatan (*local wisdom*). Melalui ketiga-tiga pengetahuan ini, muncul pola kehidupan masyarakat yang cenderung bergantung kepada hutan dan sungai sebagai sumber, termasuk unsur-unsur yang dikaitkan dengan sistem kepercayaan, adat resam dan sebagainya. Pada masa yang sama, kelompok-kelompok sosial ini berperanan sebagai medium pemuliharaan (*conservation*), keseimbangan ekosistem dan perlindungan terhadap hutan dan sungai.

Pemuliharaan alam semula jadi dan sistem ekologi turut dimainkan oleh para seniman, termasuk pengarang yang menggunakan unsur hutan, sungai, laut, gunung-ganang atau bukit-bukau sebagai metaforik dan imej-imej keindahan, isu sosial dan sebagainya. Antara penanda aras penting kepada penggunaan elemen keindahan dalam sastra adalah kemunculan sastra pastoral (*pastoral literature*). Genre ini menjadi popular sejak tahun 1610, apabila pengarang-pengarang era Rennaisans, mula 'memisahkan' diri daripada pengaruh gereja dan istana dalam penghasilan karya. Aliran ini menerapkan elemen-elemen alam ke dalam puisi atau drama yang mengisahkan kehidupan para gembala kambing, biri-biri dan lembu di kawasan perdesaan di Eropah. Menurut Little (2013), istilah sastra pastoral telah digunakan secara meluas untuk menggambarkan lukisan, novel, puisi dan drama yang diadaptasi daripada puisi-puisi Yunani dan Rom kuno yang mengisahkan tentang kehidupan para penggembala lembu yang disebut sebagai *bucolic*.

Konsep pastoral muncul pertama kali dalam puisi *Idylls of Theocritus* pada abad ke-3 SM dan menjadi inspirasi kepada penyair Rom, Virgil untuk menulis kumpulan puisi yang dikenali sebagai *Eclogues* (42-37 SM) yang menjadi rujukan kepada penyair-penyair di Eropah selepasnya. Sebanyak 10 puisi dalam kumpulan tersebut, menggambarkan kehidupan penggembala yang menghabiskan kerja mereka

dengan nyanyian yang romantik bertemakan cinta dan kehidupan yang mendamaikan serta suasana desa, terutama musim panas yang harmoni (Little, 2013).

Hubungan antara sastra dan alam sekitar telah mengalami perkembangan pesat terutama selepas 1990-an dan muncul sebagai kajian interdisiplin bidang kesusasteraan yang dikenali sebagai kritikan sastra ekologi. Pada tahun 1996, Cheryl Glotfelty dan Harold Fromm telah menyelenggarakan penerbitan kumpulan esei bertajuk *The Ecocriticism Reader: Landmarks in Literary Ecology* yang merupakan hasil kajian bidang ekologi dan sastra, melalui pendekatan persekitaran (bumi) dan sastra sebagai asas 'pertemuan' kedua-dua disiplin tersebut. Berdasarkan dapatan daripada esei-esei yang dimuatkan dalam kumpulan tersebut, Glotfelty dan Fromm mentakrifkan sastra ekologi sebagai sebuah penyelidikan tentang hubungan antara sastra dan alam sekitar dengan meletakkan alam sekitar sebagai tema atau isu yang diangkat dalam karya. Pada masa yang karya sastra menjadi medium kepada bentuk-bentuk kelastarian alam sekitar (Glotfelty & Fromm, 1996; Vayda, 1983; Leitch, 1992; Spradley, 1972). Menurut Gerrard (2004: 16-17), kritikan sastra ekologi memfokuskan kepada cara, pendekatan atau kaedah seseorang pengarang membayangkan hubungan antara manusia (watak-watak) dalam teks sastra dan alam sekitar sebagai sebuah wacana budaya. Beliau membahagikan kritikan sastra ekologi kepada aspek ekopolitik, ekosejarah dan ekopragmatik. Konsep ekopolitik merujuk kepada perspektif sistem politik dalam keseimbangan ekologi melalui dasar, peraturan dan mekanisme tertentu yang dikaitkan dengan struktur politik serta kekuasaan. Ekosejarah (*ecohistory*) pula merujuk kepada hubungan antara ekologi dan sejarah sesebuah kelompok sosial, manakala ekopragmatik adalah wawasan hubungan manusia dengan alam secara fungsional. Dalam pengertian lain, ekopragmatik meletakkan karya sastra bertujuan menyampaikan unsur-unsur moral berkaitan alam sekitar kepada pembaca (Garrard, 2004; Zeller, Forster, Keye, Meyer, Roschak & Ammer (2023). Dalam konteks tempatan, hubungan antara bahasa, budaya dan persekitaran turut dibincangkan melalui kerangka ekolinguistik yang menekankan peranan bahasa dan wacana budaya dalam membentuk kesedaran terhadap alam sekitar (Nor Hashimah Jalaluddin, 2023).

Di Malaysia, elemen hubungan alam sekitar dan sastra dikupas oleh beberapa pengarang, antara dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) dan *Arus* (1985) oleh Anwar Ridhwan, *Suara Dari Rimba* (2008), Jong Chian Lai, *Senjakala* (1986) oleh Baharudddin Kahar serta *Rentong* (1965), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), dan *Srengenge* (1973) oleh Shahnnon Ahmad. Novel-novel ini memperlihatkan alam, persekitaran dan elemen-elemen hutan menjadi elemen yang dimanfaatkan watak-watak untuk pertanian, elemen ritual, gambaran perilaku-perilaku budaya masyarakat setempat, aspek sosioekonomi, sosiopolitik, selain isu-isu konflik nilai.

Pada tahun 1998, pakar pemuliharaan hutan di negeri Rajashtan, India, Deep Narayan Pandey mengemukakan konsep etnoforestri (*ethnoforestry*) yang merujuk kepada kajian tentang cara masyarakat orang asli dan tempatan di pedalaman negeri tersebut memulihara dan menguruskan hutan, melalui gabungan amalan budaya, kepercayaan dan sistem pengetahuan mereka tentang perhutanan. Amalan kebudayaan turut dikaitkan dengan penciptaan cerita-cerita lisan, dongeng atau mitos yang berkembang dalam sesebuah kelompok sosial berasaskan hutan, sungai, gunung atau laut.

Meskipun etnoforestri bukan merupakan disiplin yang mengkaji hubungan antara alam sekitar dan sastra secara langsung, pendekatan ini meletakkan masyarakat, kelompok sosial atau etnik setempat sebagai agen utama yang membentuk perilaku budaya berkaitan hutan, sungai dan alam sekitar, sejajar dengan pengetahuan serta kearifan tempatan yang diwarisi dari generasi ke generasi (Pandey, 1998; 2001; 2006; 2007; Berkes & Colding, 1993). Dalam konteks kajian ini, pendekatan etnoforestri memungkinkan pembacaan terhadap novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* sebagai

teks yang merakamkan amalan-amalan pengurusan hutan, penggunaan tanah pertanian, pemanfaatan sumber alam serta sistem kepercayaan masyarakat Melayu luar bandar. Perilaku watak-watak seperti Pak Senik, Lahuma dan Awang Che Teh memperlihatkan bagaimana pengetahuan dan kearifan tempatan berfungsi sebagai mekanisme kelangsungan hidup, pemeliharaan ekosistem dan pengawalan hubungan manusia dengan alam sekitar. Dengan itu, etnoforestri berfungsi sebagai kerangka konseptual yang relevan untuk meneliti hubungan budaya, ekologi dan naratif dalam teks sastra yang dikaji.

PENYATAAN MASALAH

Pendekatan etnoforestri yang dikemukakan oleh Deep Narayan Pandey menawarkan satu kerangka interdisiplin untuk memahami hubungan antara manusia, alam sekitar dan sistem pengetahuan tempatan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih banyak diaplikasikan dalam kajian antropologi, perhutanan dan ekologi, dan jarang digunakan secara sistematik dalam analisis teks sastra, khususnya dalam konteks kesusasteraan Melayu. Keadaan ini mewujudkan satu jurang kajian dalam memahami bagaimana karya sastra berfungsi sebagai medium yang merepresentasikan pengetahuan, kearifan dan amalan etnoforestri masyarakat tempatan.

Dalam konteks kesusasteraan Melayu, novel-novel Shahnnon Ahmad seperti *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* sering dianalisis dari sudut realisme sosial, kemiskinan, konflik nilai dan perjuangan hidup masyarakat tani. Namun demikian, dimensi hubungan manusia–hutan yang berasaskan pengetahuan tempatan, pengurusan sumber alam, serta pemeliharaan ekosistem dalam karya-karya ini masih belum diteliti secara mendalam melalui kerangka etnoforestri. Kekurangan ini menyebabkan peranan sastra sebagai dokumen budaya dan ekologi yang merakamkan amalan pengurusan alam secara tradisional kurang diberi penekanan.

Ketiga-tiga novel tersebut sebenarnya memaparkan perilaku sosiobudaya masyarakat Melayu yang hidup dalam persekitaran hutan, sungai dan bentuk muka bumi tertentu yang memungkinkan berlakunya aktiviti penerokaan, pemuliharaan, pengelolaan dan pemanfaatan sumber alam. Aktiviti-aktiviti seperti penerokaan bukit Srengenge untuk penanaman padi huma oleh Awang Che Teh atau penggunaan tanah mampam oleh Lahuma dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* berpaksikan pengetahuan dan kearifan tempatan yang sejajar dengan prinsip etnoforestri Pandey. Namun, tanpa kerangka analisis yang khusus, representasi ini sering dibaca sebagai konflik naratif semata-mata, bukan sebagai manifestasi sistem pengetahuan ekologi tradisional.

Selain itu, konflik antara watak seperti Imam Hamad, Diah dan Useng dalam novel *Srengenge* memperlihatkan pertentangan hubungan manusia dengan flora dan fauna yang memenuhi bukit Srengenge, yang dibingkaikan melalui wacana realisme magis. Bukit Srengenge berfungsi sebagai premis naratif Shahnnon Ahmad untuk membicarakan konflik dalam kehidupan sejagat dan pada masa yang sama menjadi metafora kepada pertembungan pandangan dunia (*worldview*) dalam masyarakat Melayu, khususnya antara kepercayaan tradisional dan usaha pembaharuan masyarakat (Mohd. Yusof Hassan, 2007). Pertentangan ini digambarkan melalui gagasan watak Awang Che Teh yang melihat bukit Srengenge sebagai ruang yang berpotensi dimajukan untuk aktiviti pertanian, berbeza dengan pandangan watak Imam Hamad, Diah dan Useng yang mempercayai kewujudan roh dan semangat alam yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja (Mohd. Yusof Hassan, 2007).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti bagaimana elemen etnoforestri yang meliputi perlindungan, perladangan, produksi/perhutanan pertanian serta adat

resam dan sistem kepercayaan dapat direpresentasikan dalam novel-novel terpilih Shahnnon Ahmad. Kajian ini penting untuk memperlihatkan bahawa karya sastra bukan sahaja mencerminkan realiti sosial, tetapi juga berfungsi sebagai wahana penyimpanan dan penyebaran pengetahuan ekologi tradisional masyarakat Melayu.

KONSEP ETNOFORESTRI DEEP NARAYAN PANDEY

Etnoforestri dapat dikategorikan sebagai bahagian daripada disiplin etnosains (*ethnoscience*) iaitu salah satu cabang antropologi yang memfokuskan kepada konsepsi objek, aktiviti dan perilaku-perilaku masyarakat pedalaman yang dihubungkan dengan alam sekitar (hutan), laut dan sungai (Hardesty, 1977; Pandey, 1998; 2001; 2006). Goodenough (1956), misalnya mentakrifkan etnosains sebagai *system of knowledge and cognition typical of a given culture* dan pada masa yang sama menjelaskan terminologi ini merujuk kepada kebudayaan sebagai identiti sesebuah kelompok sosial yang berhubung dengan sistem kognitif dalam konteks hutan, sungai, laut serta pelbagai unsur ekologi. Sebagai sebuah sistem kognitif, etnosains berkait rapat dengan pengetahuan, kepercayaan dan sistem nilai kolektif yang dikembangkan secara bersama oleh setiap anggota sosial. Antara kategori dalam disiplin etnosains ialah ekologi manusia (*human ecology*), bahasa, etnoekologi (*ethnoecology*), etnobiologi (*ethnobiology*), etnobotani (*ethnobotany*), etnozologi (*ethnozoology*), etnosemantik dan etnoforestri (Werner, 1972; Goodenough, 1956; Pandey, 1998; Gerique, 2006; Riley, 2018).

Berdasarkan kedudukan sebagai salah satu bahagian disiplin etnosains, etnoforestri merupakan satu bentuk pengetahuan dan kearifan tempatan sesebuah masyarakat, kelompok sosial, suku kaum atau etnik dalam pengelolaan, teknologi yang dibuat berasaskan sumber-sumber hutan, sungai dan laut untuk kehidupan mereka, selain sebagai sumber makanan, perubatan serta elemen spritual. Secara umumnya, dapat disimpulkan bidang etnoforestri merupakan interaksi antara sesebuah etnik atau suku kaum tertentu dengan hutan, sungai dan alam sekitar yang umumnya berkaitan dengan hutan, pemuliharaan dan bagaimana sumber-sumber hutan dimanfaatkan sebagai aktiviti sosioekonomi dan sosiobudaya. Dapat diringkaskan etnoforestri merupakan bidang penyelidikan tentang amalan berterusan (*sustainability*) pemuliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber-sumber hutan, sungai dan laut oleh masyarakat tradisional berasaskan pengetahuan, kearifan dan warisan tempatan. Hal ini sejajar dengan dapatan Cheveau et al. (2008) yang menegaskan bahawa pengetahuan ekologi tradisional merupakan komponen penting dalam pengurusan hutan lestari dan perlu diiktiraf secara sistematik dalam amalan perhutanan moden.

Secara umum, Pandey (1998; 2003; 2004; 2007; 2016) menyebut etnoforestri sebagai satu pendekatan dalam pengurusan, penciptaan (pembinaan semula atau menambahbaik hutan dan sungai), pemuliharaan serta penggunaan sumber hutan oleh sesebuah kelompok sosial melalui amalan tradisional berasaskan warisan, pengetahuan serta kearifan tempatan sesebuah kelompok sosial. Pembinaan konsep tersebut berdasarkan penyelidikan beliau terhadap hubungan antara masyarakat pedalaman di negeri Rajashtan, India dengan aktiviti-aktiviti tradisional masyarakat yang berkaitan dengan penanaman semula, penggunaan sumber hutan sebagai bahan seni bina, makanan, perubatan dan elemen ritual.

Menurut Pandey (1998; 2003; 2004; 2007) etnoforestri merangkumi empat asas yang dikaitkan dengan kaedah dan pola hubungan sesebuah kelompok sosial dengan hutan dan sungai. Pertama; etnoforestri perlindungan (*protection ethnoforestry*) yang dikaitkan dengan peranan masyarakat melindungi hutan, sungai dan habitat-habitat hidupan liar. Ia merupakan gambaran hubungan yang mendalam antara

masyarakat dan hutan sekitarnya. Perkaitan ini dapat dicerminkan melalui kelompok sosial yang hidup selaras dengan alam semula jadi dan menggunakan pengetahuan ekologi tradisional, khususnya untuk kelastarian alam sekitar. Ia juga merujuk kepada amalan lestari (*sustainable practice*), iaitu amalan pengurusan hutan lestari masyarakat atau kelompok sosial pendalaman tentang penggunaan sumber-sumber hutan dan sungai untuk kehidupan mereka. Amalan ini selalunya berbeza dengan kaedah perhutanan moden yang eksploitatif dan cenderung kepada pencemaran, pemusnahan habitat dan kerosakan ekosistem (Herriman, 2018; Gerique, 2006).

Kedua; etnoforestri perladangan (*plantation ethnoforestry*) yang merupakan pendekatan tradisional masyarakat untuk menggunakan hutan sebagai premis aktiviti-aktiviti sosioekonomi (penanaman, pencarian sumber-sumber hutan sebagai makanan dan hutan sebagai sumber peralatan serta seni bina). Dalam konteks ini, peranan pelbagai spesies dalam adat tempatan dan perubatan tradisional dapat diterokai berasaskan kearifan tempatan dan warisan tempatan (Pandey, 1998; Silito, 2006; Albuquerque et al., 2014).

Elemen ketiga dalam etnoforestri Pandey adalah etnoforestri produksi (*production ethnoforestry*) dan etnoforestri perhutanan pertanian (*agroforestry ethnoforestry*) iaitu pengeksploitasi dan pemanfaatan hutan dan sungai sebagai sumber makanan, aktiviti sosioekonomi (pertanian), bahan perubatan dan sumber-sumber yang turut mencapai keperluan industri serta komersial. Misalnya, penggunaan buluh dan kayu-kayan untuk industri perabot, binaan dan pembuatan serta penebangan hutan untuk dijadikan tanah pertanian lain. Bagaimanapun menurut Pandey (1998: 24; 2004: 37-39), penerokaan yang tidak terkawal akan menjurus kepada konflik yang merujuk kepada pertembungan antara pembangunan moden dan cara hidup tradisional. Kelompok-kelompok sosial yang bergantung kepada hutan akan berhadapan cabaran yang ditimbulkan oleh penebangan hutan, perindustrian, perubahan iklim, dan isu-isu kerosakan geologi tanah.

Komponen keempat dalam pemikiran Pandey adalah cerita dan tradisi lisan milik sesebuah kelompok sosial yang dikaitkan dengan kedudukan etnoforestri, iaitu penekanan tentang hubungan sastra sebagai cara atau kaedah untuk memelihara hutan, sungai, tanah dan sumber-sumbernya (Studley, 2004; 2005; Pandey, 2001; 2002; 2003; 2004). Pada komponen ini, dapat difahami adanya hubungan yang rapat antara cerita-cerita lisan, karya sastra dan perilaku-perilaku budaya kelompok sosial dengan hutan yang terbentuk melalui cerita-cerita rakyat, dongeng dan mitos tertentu.

Bagaimanapun Pandey meletakkan hubungan antara manusia dan hutan tidak sepenuhnya berlaku secara positif kerana sering berlaku hal-hal yang bersifat dominatif, eksploitatif dan manipulatif. Ia bermaksud, sering terdapat ketidakseimbangan ekosistem apabila muncul elemen-elemen yang dikaitkan dengan komersialisme yang mengarah kepada penebangan hutan, pengambilan sumber atau penerokaan secara tidak terkawal (1998; Silito, 2006; Studley, 2005).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan penerapan empat elemen asas etnoforestri iaitu perlindungan, perladangan, produksi atau perhutanan pertanian serta tradisi lisan dan sistem kepercayaan dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad berasaskan kerangka etnoforestri Pandey. Selain itu, kajian ini berhasrat untuk meneliti bagaimana pengetahuan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu direpresentasikan melalui watak, latar dan konflik sebagai satu sistem pengurusan hutan, tanah dan sumber alam. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai peranan konflik

manusia–alam dalam teks sebagai manifestasi pertembungan pandangan dunia (*worldview*) antara kepercayaan tradisional, keperluan sosioekonomi dan usaha pembaharuan masyarakat luar bandar. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa novel-novel Shahnnon Ahmad berfungsi sebagai dokumen sastra yang merakam dan memelihara sistem pengetahuan ekologi tradisional masyarakat Melayu Kedah pada dekad 1960-an hingga 1970-an melalui pendekatan etnoforestri.

SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada empat asas konsep etnoforestri Pandey iaitu etnoforestri perlindungan, perladangan, yang dihubungkan dengan pengetahuan, kearifan dan warisan tradisional, khususnya dalam aktiviti sosioekonomi, pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem, konflik antara manusia dan hutan, serta pengurusan hutan oleh masyarakat fiktif yang dibina oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Srengenge*. Berdasarkan konsep etnoforestri oleh Pandey, masyarakat fiktif dalam ketiga-tiga novel tersebut merupakan agen kepada amalan penggunaan tanah mapam, kepentingan budaya hutan yang merangkumi elemen ritual, implikasi dan hak masyarakat serta ekologi pemulihan secara fungsional.

Watak-watak dan masyarakat fiktif dalam ketiga-tiga novel tersebut memiliki sistem pengetahuan, kearifan dan warisan dalam pengelolaan hutan yang efektif, merangkumi perlindungan, produksi, pemuliharaan dan menangani konflik antara manusia dan hutan serta ekosistem. Perilaku budaya yang tercermin melalui watak-watak dalam tiga novel tersebut merupakan pemahaman holistik tentang bagaimana hutan, alam semulajadi, dan sumber-sumbernya memenuhi empat kriteria teras konsep etnoforestri Pandey.

TINJAUAN LITERATUR

Hubungan antara alam dan sistem kehidupan sesebuah kelompok sosial telah menjadi perhatian besar kepada pakar-pakar dalam bidang perhutanan yang menghubungkannya dengan hutan, sungai, laut dengan kedudukan biodiversiti, keseimbangan ekosistem dan unsur-unsur berkaitan dengan pengetahuan serta kearifan tempatan. Kaitan antara karya seni, sastra dan alam sekitar telah menjadi tema yang begitu diberi perhatian oleh para seniman, pengarang dan para pembikin filem sejak tahun-tahun 1990-an. Menurut ahli falsafah Norway, Arne Naess (1912-2009), kerosakan dan kemusnahan alam sekitar sangat dipengaruhi oleh ketamakan manusia dan pembangunan yang tidak terkawal hingga menjadi salah satu agenda terbesar karya-karya seni abad ke-20 (Naess, 1993). Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan aspek ekologi dalam sastra Melayu, namun belum ada kajian yang menghubungkannya dengan kerangka etnoforestri Pandey secara sistematik bagi memahami peranan kearifan tempatan dalam karya Shahnnon Ahmad.

Pemikiran etnoforestri Pandey, turut mempengaruhi penyelidikan-penyelidikan yang lebih rencam untuk memahami peranan ekologi, biodiversiti, alam sekitar (sungai dan hutan) yang turut dikaitkan dengan dengan pengetahuan serta kearifan tempatan sesebuah kelompok sosial. Debbarma (2022) menyebut pengetahuan serta kearifan tersebut sebagai pengetahuan ekologi tradisional (TEK) yang merujuk kepada aktiviti masyarakat orang asli atau kelompok-kelompok sosial yang mendiami kawasan hutan atau pinggir-pinggir sungai di Timur Laut India.

“The indigenous people of the North East India region have a wealth of tradition ecological knowledge (TEK) relating to species, ecosystem, and thier interconnections, as well as sustainable management and use in forestry, fisheries, agriculture, food, crafts, dye, and health care. Some of these TEK-based knowledge system are on par with, if not better then, resource management approaches that have grown within the scope of current knowledge” (Debbarma, 2022, hlm.23).

Berasaskan etnoforestri, TEK merupakan sumber pengetahuan alternatif dalam penyelidikan ekologi dan biodiversiti yang secara epistemologi kedua-dua bidang ini dikaitkan dengan tradisi, adat resam, perilaku budaya dan amalan-amalan yang muncul daripada pengalaman hidup dan kepercayaan setempat. Menurut Debbama (2022), pengetahuan, kearifan dan warisan tempatan muncul kerana kelompok sosial tersebut memiliki kepentingan dan kepercayaan yang komprehensif yang turut merangkumi kosmologi.

Jean-Goerges (2016) dalam artikelnya, *“Relation between man and the enviroment through the anylysis of the symbolism of the herbs and trees in Caribbean literature”*, menjelaskan hutan, sungai dan alam semulajadi menjadi salah satu tema utama dalam karya-karya sastra di Caribbean yang dihubungkan dengan warisan dan elemen ritual masyarakat asli di Amerika Latin, isu-isu metaforik politik, ketidakseimbangan ekologi dan nilai yang dikaitkan dengan ketamakan serta kerakusan manusia. Elemen-elemen ini dapat ditemukan dalam beberapa novel oleh penulis Caribbean, antaranya *The Night of the Cachiri* oleh A. Jadfard, *Tales of Life and Death* (Ina Cesaire), *Delice and the Kapok Tree* (X. Orville), *Masters of the Dew* (Jacques Roumain), dan *La Rue Cases-negres* (J.Zobel).

Menurut Jean-Georges, gambaran bukit-bukau, laut, rimba dan hutan, pokok, sungai dan pelbagai tumbuhan dalam karya-karya sastra oleh pengarang Caribbean sangat penting untuk memahami pertalian erat manusia di kawasan tersebut dengan alam semula jadi yang mengelilingi mereka. Penulis-penulis di rantau Caribbean cenderung menggunakan elemen-elemen etnoforestri dan etnobotani sebagai dimensi sinkretik dan wacana ekologi dalam penulisan mereka.

“The question of representation of the forest world, trees and plant in the Carribean literature is important in the understanding of the realtionship between man and nature. This work deals with the study of literary texts wich highlight this human-nature interaction serving as the writer’s base to establish the legitimacy of the literary discourse. It anchors this dialogue in reality knowledge of the world which translates the relation between man and his enviroment.” (Jean-Georges, 2016, hlm.54).

Isu hubungan sastra dan alam sekitar dan perilaku-perilaku budaya masyarakat peribumi dan Caribbean turut dikupas dengan menarik oleh Lizabeth Paravisi-Gebert dalam bukunya *Literature of Carribean* (2008). Beliau antara lain membahas tentang kedudukan kesusasteraan kontemporari di rantau Caribbean yang merupakan cerminan kepada kebimbangan sosial, politik, budaya dan isu-isu yang berkaitan masa depan alam sekitar akibat penerokaan, pencemaran dan hakisan yang tidak terkawal.

Azman Ismail dalam artikel “Novel-novel Shahnnon dalam perspektif etnografi semantik” (2018) pula mengupas tentang beberapa karya awal Shanon iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, *Rentong* (1966), *Srengenge*, dan *Kemelut* (1977) merupakan pernyataan perilaku budaya dan sosioekonomi masyarakat dyang berlatarbelakangkan Kampung Banggul Derdap dan sekitar daerah Sik

di Kedah. Elemen-elemen ini dihubungkan dengan alam sekitar, komunikasi antara kelas sosial dan konflik antara manusia-alam dan manusia-binatang liar.

Shannon melalui novel-novel tersebut turut menggambarkan sistem sosial masyarakat marginal yang dikaitkan dengan keperitan hidup, kemiskinan serta pelbagai kesukaran ekonomi melalui watak-watak yang dibina dalam kerangka budaya Melayu era 1960-an dan 1970-an yang berorientasikan pertanian sara diri, penerokaan hutan, elemen realisme magis dan struktur sosial yang homogen (Azman Ismail, 1968). Konsep ini merujuk kepada cerminan satu karakter sosiobudaya dan sosioekonomi yang bersifat sara diri, tradisional dan hanya bersandar kepada kearifan tempatan yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Hubungan sastra dan persekitaran sama ada oleh pengarang-pengarang di rantau Caribbean dan sebagainya dalam perspektif etnoforestri Pandey dapat difahami sebagai pengetahuan dan kearifan seseorang penulis mencerna taksonomi persekitaran mereka. Kefahaman tersebut kemudiannya dikembangkan dengan memanfaatkan unsur hutan, sungai, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain sebagai strategi naratif teks. Isu yang sama ditemukan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Rentong* dan *Srengenge* apabila pengarang membina strategi naratif dengan memanfaatkan pengetahuan serta kearifannya tentang alam sekitar serta fenomena sosial yang berkembang pada dekad 1960-an dan 1970-an. Imej-imej metaforik tentang perilaku sosial, sistem kepercayaan, aspek nilai, adat resam dan sebagainya dibina dengan menggunakan premis bukit, hutan, sungai serta binatang liar yang bersesuaian dengan pemikiran etnoforestri Pandey. Kajian ini memperluas wacana ekokritik Melayu dengan memasukkan perspektif etnoforestri sebagai kerangka analisis budaya dan ekologi.

METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang memberi penekanan kepada pengamatan terhadap fenomena, kejadian, paradigma dan isu-isu sosial dalam ketiga-tiga novel tersebut. Pendekatan ini meneliti kedudukan, fenomena dan perilaku-perilaku sesebuah kelompok sosial dan pemikiran mereka. Tujuan pendekatan ini adalah membina deskripsi, gambaran dan paparan secara sistematik sesebuah fenomena yang dikaji hingga gambaran lengkap serta menyeluruh tentang kelompok, sama ada secara verbal atau numerikal yang sesuai dengan keperluan sesebuah kajian dilakukan.

Data-data juga diperolehi melalui pendekatan analisis kandungan (*content analysis*) yang merupakan teknik sistematik untuk memahami sesebuah teks dengan mengaplikasi kod-kod tertentu tentang fenomena, isu, peristiwa, konflik dan paradigma. Berelson mentakrifkan analisis kandungan sebagai satu teknik penyelidikan yang dijalankan secara objektif dan sistematik untuk menghuraikan kandungan komunikasi yang dapat diperhatikan (Berelson, 2008). Berasaskan kerangka ini, analisis kandungan dalam kajian ini difahami sebagai satu pendekatan yang menumpukan penelitian terhadap unsur-unsur teks secara tersusun dan terkawal bagi mengenal pasti pola, tema dan makna yang dibentuk melalui simbol, bahasa dan struktur naratif. Pendekatan ini membolehkan hubungan antara teks dan interpretasi pengarang dianalisis secara deskriptif tanpa bergantung kepada tafsiran subjektif semata-mata.

Secara umum, analisis kandungan dapat dibahagikan kepada analisis konseptual (*conceptual analysis*) dan analisis hubungan (*relational analysis*). Analisis konseptual dapat difahami sebagai kaedah analisis kandungan yang digunakan dalam menganalisis hubungan satu peristiwa dengan peristiwa yang lain, bentuk-bentuk diksi, semantik atau simbol-simbol dalam menganalisis sesebuah teks sastra (Berelson,

2008). Analisis hubungan pula merujuk kepada keberadaan dan frekuensi atau kekerapan konsep tertentu yang diketengahkan oleh seseorang pengarang dalam teks, misalnya istilah, idea, objek dan sebagainya.

Berelson (2008) turut membahagikan analisis kandungan kepada analisis kandungan pragmatik iaitu tanda atau simbol dalam teks untuk memahami sebab dan akibat munculnya sesebuah gejala untuk dihubungkan dengan pemikiran seseorang pengarang. Beliau turut mengemukakan analisis semantik iaitu kajian terhadap simbol-simbol bahasa yang digunakan oleh seseorang narator atau pengarang dalam sesebuah teks. Analisis semantik dapat dibahagikan kepada tiga iaitu analisis penunjukkan (*designation analysis*) iaitu gambaran objek tertentu dalam teks, misalnya manusia, benda, kelompok atau konsep. Kedua; analisis penyifatan (*attribution analysis*) yang merujuk kepada frekuensi perwatakan seseorang watak sama ada protagonis atau antagonis yang dirujuk oleh seseorang pengkaji, misalnya ketidakjujuran, penindasan, kezaliman, penipuan, kebaikan atau kejahatan). Ketiga; analisis pernyataan (*assertions anylisis*) yang merujuk kepada kekerapan objek digambarkan oleh seseorang pengarang dalam karya untuk mendeksripsi sesebuah fenomena atau keadaan, misalnya sekolah, tulisan, buku, kenderaan dan sebagainya (Berelson, 2008).

Dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Srengenge*, elemen-elemen etnoforestri oleh Pandey diungkap berdasarkan analisis terhadap konsep, hubungan antara pemikiran pengarang dengan elemen sungai serta hutan, dan unsur-unsur semantik yang berkaitan dengan penunjukkan, penyifatan dan pernyataan yang dibina oleh Shahnon. Antara lain, kegiatan membunuh ketam-ketam kecil yang memakan benih padi oleh watak Lahuma dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan konflik antara manusia dan alam. Begitu juga, tindakan dengan tindakan penduduk yang menebang dan membuang hutan di bukit Srengenge dalam novel *Srengenge* juga merupakan bentuk-bentuk konflik manusia-alam sekitar. Namun, dalam perspektif etnoforestri Pandey, konflik akibat faktor aktiviti pertanian dan sosioekonomi merupakan sesuatu yang wajar kerana kegiatan di atas tanah hutan atau tebing-tebing sungai, adalah berlandaskan kepada pengetahuan dan kearifan tempatan, sebagai elemen yang sangat penting dalam pemuliharaan biodiversiti hutan dan sungai (Pandey, 2016; Berkes & Colding, 1993; Vayda, 1983; Albuquerque, et al. (2014).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Srengenge* dalam perspektif etnoforestri Pandey mengemukakan interaksi, peranan dan kegiatan manusia-manusia fiksi dalam kehidupan mereka, selain aspek-aspek manipulatif dan konflik mereka selaras dengan gastronomi dan pola kehidupan yang berhubung dengan hutan dan alam sekitar. Dalam ketiga-tiga novel tersebut, wujud komunikasi yang sangat akrab antara manusia-manusia fiktif dengan alam semulajadi dan ekologi yang dibina oleh Shahnon hingga membentuk identiti kolektif. Di sisi lain, terdapat konflik yang ketara antara manusia dan alam (hutan dan keseimbangan ekologi) kerana berlakunya manipulasi, pemusnahan dan tanggapan yang salah terhadap alam kerana kepercayaan setempat anggota sosial.

ETNOFORESTRI PERLINDUNGAN DAN PERLADANGAN

Konsep ini merujuk kepada kearifan, pengetahuan dan warisan tempatan masyarakat dan manusia fiktif dalam novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Srengenge* membina elemen fungsional dalam melestari dan mewujudkan keseimbangan ekosistem. Watak dalam ketiga-tiga novel diberi peranan

sebagai pelindung, penjaga, pengamat dan pelestari kepada keberadaan hutan, ekosistem, habitat hidupan dan unsur-unsur sumber berasaskan hutan. Dalam novel *Rentong* yang berlatarkan Kampung Banggul Derdap, di daerah Sik, Kedah pada tahun 1960-an misalnya, Shahnnon membina wacana etnoforestri perlindungan melalui usaha watak protagonis iaitu Pak Senik (ketua kampung), Tuk Imam, Dogol, Lebai Debasa dan Jusoh untuk memaksimum tanah sawah untuk penanaman padi dua kali setahun.

Watak-watak ini berfungsi sebagai pemangkin kepada keseimbangan ekosistem dan biodiversiti di kampung tersebut dengan memaksimumkan tanah-tanah sawah yang ada untuk penanaman padi dua kali setahun, tanpa pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman sumber makanan tersebut. Keputusan yang diambil oleh Pak Senik telah berjaya mewujudkan kelestarian hutan dan penggunaan tanah yang berkesan berasaskan kepada kearifan serta pengetahuan tempatan pendudukan, seperti yang digambarkan oleh Shahnnon:

“Sekali-sekala kesepian itu terganggu; di ganggu oleh kocakan air bendang akibat haruan menyambar anak. Dan sekali-sekala yang lain, kedengaran pula suara kuang yang sayup-sayup di tengah rimba yang hampir-hampir setengah memagari kampung tersorok tersebut” (Shahnnon Ahmad, 1965, hlm.1).

Elemen ikan haruan yang banyak terdapat di sawah dan bunyi buang kuang di hutan di sekeliling kampung tersebut merupakan pernyataan keupayaan masyarakat melindungi hutan, sungai dan habitat hidupan liar berdasarkan kearifan serta pengetahuan tempatan. Dalam perspektif etnoforesti Pandey (1998; 2016; Bergendorff, 2007), watak-watak tersebut juga berjaya melaksanakan amalan lestari dalam pengurusan hutan hingga berjaya mengekalkan keseimbangan ekosistem dan biodiversiti yang ada, terutama kesuburan tanah serta pengendalian sumber air bumi. Pada masa yang sama, keberadaan harimau (mati ditembak oleh Semaun) yang sering membaham lembu penduduk kampung dan kematian watak Dogol akibat diterkam oleh binatang buas tersebut pada satu sisi memperlihatkan keseimbangan dan kelestarian ekosistem yang menjadi latar naratif teks *Rentong*. Meskipun situasi ini memanifestasikan konflik antara manusia dan hidupan liar, kehadiran harimau tersebut berfungsi sebagai indikator keseimbangan ekosistem. Ketersediaan rantai makanan yang terdiri daripada pelbagai spesies fauna di hutan sekitar Kampung Banggul Derdap membuktikan bahawa habitat tersebut masih mempunyai daya tampung semula jadi yang stabil.

Dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, elemen etnoforestri perlindungan diperlihatkan melalui keseimbangan ekosistem melalui pengendalian tanah-tanah sawah dan sistem pengairan yang berasaskan kepada hujan dan punca-punca air semulajadi. Kelestarian alam dan hutan yang menjadi latar kepada naratif novel tersebut didiskripsikan melalui penanaman padi yang menjadi sumber sosioekonomi watak Lahuma dan keluarganya serta penduduk-penduduk kampung Banggul Derdap:

‘Datuknya dulu pun bergantung kepada nasi juga. Dia juga serupa. Padi ditanam. Padi dijemur. Padi ditumbuk. Padi dimasak. Dan padilah yang menyambung hidup mereka sejak berzaman ini’ (Shahnnon Ahmad, 1966, hlm.2).

“...Lahuma hidup dari lumpur. Jaha hidup dari lumpur. Sanah hidup dari lumpur. Milah hidup dari lumpur. Jenap hidup dari lumpur. Semek hidup dari lumpur. Liah hidup dari lumpur. Lebar hidup dari lumpur. Dan Kiah pun hidup dari lumpur juga. Lambat-bangsat Sanah dan Milah akan ke sawah juga. Bila jadi bini orang Sanah dan

Milah akan berlumpur dan berlintah kerbau juga. Hal itu tidak boleh dielakkan”
(Shahnon Ahmad, 1966, hlm.35).

Kemampuan bendang atau sawah padi milik Lahuma dan keluarganya, serta milik penduduk lain di kampung Banggul Derdap mengeluarkan hasil yang mencukupi adalah simbol kepada amalan lestari dan pengurusan ekosistem yang baik. Ia diamalkan oleh Lahuma berdasarkan kearifan dan pengetahuan tempatan tentang kaedah serta amalan pengurusan ekologi, khususnya penggunaan sumber air, baja dan struktur tanah yang efektif. Dalam perspektif etnoforestri, kaedah pertanian tradisional cenderung kepada mempertahankan keseimbangan ekosistem dengan meminimumkan manipulasi dan eksploitasi terhadap sumber-sumber alam kerana ia cenderung kepada bentuk perlindungan (Pandey, 1998; 2002; Herriman, 2018; Charnley et al., 2007).

Shahnon dalam *Srengenge* memberi tumpuan utama kepada kemampanan ekosistem dan biodiversiti dengan meletakkan bukit Srengenge sebagai premis utama. Dalam pengertian lain, bukit tersebut menjadi pusat kepada wacana tentang etnoforestri yang dihubungkan dengan perlindungan, pemuliharaan biodiversiti, dan aktiviti sosioekonomi termasuk elemen ritual, konflik, pemikiran realisme magis dan perilaku-perilaku budaya. Dalam pengertian lain, bukit Srengenge telah menyediakan semua keperluan sosioekonomi dan spritual, sekali gus membentuk identiti kehidupan masyarakat:

“Bukan sahaja terkukur tetapi juga napuh, puling, punai, serindit, pelanduk, kayu api, rotan, bertam, akar, buah-buah, pucuk-pucuk kayu, daun ketupat (palas), buluh leman, gondang di paya, merbuk, entahlah semua hasil Srengenge. Orang kaki Srengenge tinggal ambil sahaja. Useng kadang-kadang mahu tunduk kepala menyembah Srengenge yang tersergam itu. Kalau tidak ada Srengenge, entah apalah yang akan jadi kepada anak buah Kaki Srengenge ini. Tiang rumah, dinding rumah, papan rumah, atap rumah; malah semua rumah di buat dari hasil Srengenge juga”
(Shahnon Ahmad, 1973, hlm.141).

“Dia gemar benar melihat kaki pelanduk terkengkeng kena jerut tali ciding...Melihat pelanduk terbingkas ke udara terkengkeng terkoyak paha itu memberi sesuatu yang paling nikmat buat Siddik” (Shahnon Ahmad, 1973, hlm.20).

Dalam novel *Srengenge* juga, Shahnon menggambarkan hutan rimba yang memenuhi bukit Srengenge menjadi premis utama kepada aktiviti-aktiviti sosioekonomi penduduk iaitu penanaman padi hutan (huma), ubi-ubian dan sebagainya, selain aktiviti-aktiviti pemburuan binatang liar terutama burung, pelanduk dan napuh. Antaranya kegiatan menggetah dan meracik burung oleh watak Diah, Imam Hamad, Awang Che Teh dan Useng. Shahnon misalnya melalui watak Imam Hamad menggambarkan keadaan tersebut;

“Tapi Srengenge akan menerima habuan yang sama. Habis sahaja padi di baruh diangkut masuk jelapang, dia akan kerah seluruh anak buahnya menutuh Srengenge. Dan, Srengenge akan hilang luput begitu sahaja; rebah ke bumi segala merbau-merbaunya, meranti-merantinya, pinang baiknya, pulasnya, nibungnya – akan dibakar sebagai banir-banir yang lima enam pemeluk itu biar jadi arang bergaul dengan tanah Srengenge sendiri” (Shahnon Ahmad, 1973, hlm.61).

Berdasarkan kepada etnoforestri Pandey, aspek etnoforestri perlindungan dan peladangan dalam kalangan anggota sosial dan penduduk kampung di kaki bukit Srengenge dibahagikan kepada beberapa aspek. Pertama; perburuan binatang yang merujuk kepada aktiviti menangkap, menahan, meracik dan menggetah burung, napuh, pelanduk dan sebagainya untuk makanan serta hiburan (haiwan peliharaan). Kedua; pencarian sumber iaitu memanfaatkan hutan untuk sumber kayu api, rotan, buah-buahan pucuk-pucuk kayu, buluh leman, umbut tumbuhan dan ubi-ubian. Ketiga; sumber pembinaan yang merujuk kepada hutan di bukit tersebut menjadi pusat kepada bahan-bahan binaan berupa buluh, kayu dan atap untuk binaan rumah penduduk.

Masyarakat fiktif dalam *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Srengenge* berdasarkan konsep etnoforestri Pandey telah meletakkan asas pengurusan hutan, ekosistem, biodiversiti dan pengeloaan sumber air yang berkesan. Antaranya memanfaatkan sumber hutan untuk makanan, binaan dan keseimbangan ekosistem yang berasaskan kepada kemahiran tradisional yang disebut oleh Pandey sebagai *ethnodevelopment*. Konsep *ethnodevelopment* merupakan wacana dalam etnoforestri yang merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan tradisional oleh sesebuah kelompok sosial menggunakan sumber di sekitar mereka untuk meningkatkan taraf hidup yang berasaskan kepada warisan, kearifan dan pengetahuan tempatan (Pandey, 2004; 2007; Gerique, 2006).

ETNOFORESTRI PRODUKSI DAN PERHUTANAN PERTANIAN

Menurut Pandey (1998:42-43), etnoforestri produksi dan etnoforestri perhutan pertanian dapat difahami sebagai pemanfaatan tanah-tanah dan sumber hutan yang ditebus guna atau melalui penerokaan menjadi tanah-tanah pertanian, atau pengeksplotasian sumber-sumber hutan untuk mencapai keperluan industri serta komersial. Bagaimanapun, sesebuah kelompok sosial sentiasa memastikan keseimbangan ekosistem terjamin melalui kawalan-kawalan yang berasaskan adat, kepercayaan dan sistem nilai kolektif. Di negeri Rajshatan, India yang fokus kajian etnoforestri Pandey, beliau membuktikan, keseimbangan ekosistem, biodiversiti dan ekologi sangat dipengaruhi oleh sistem adat resam, kepercayaan dan kearifan tempatan masyarakat dalam pengelolaan hutan.

Dalam novel *Rentong*, elemen etnoforestri produksi diperlihatkan oleh Shahnnon melalui usaha Pak Senik sebagai ketua kampung yang berusaha memujuk anak buahnya untuk bersetuju terhadap rancangan kerajaan menanam padi dua kali setahun dengan memanfaatkan kawasan hutan dan tanah terbiar yang berpotensi. Antara sumber alam yang digunakan ialah air sungai yang akan dipam ke sawah dengan menggunakan jentera yang dibekalkan oleh kerajaan:

“...kisah tanam padi dua musim”, sambung ketua kampung itu lagi. “Benih diberi. Tanah dibajak dengan traktor. Air dipam dari sungai. Dan kita hanya menyemai benih dan menanamnya. Hasil hak kita. Untungnya empat kali ganda.”

Masing-masing tercangak-cangak. Tak pernah hal itu didengar mereka. (Shahnnon Ahmad, 1965, hlm.12).

Konsep sungai memiliki signifikan sebagai nadi kehidupan dalam pemikiran Shahnnon untuk dihubungkan dengan fungsinya sebagai sumber kepada aktiviti produksi dan pertanian di kampung Banggul Derdap yang menjadi latar dalam *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge*. Dalam *Rentong*, sungai dan hutan rimba merupakan imej-imej yang dibina oleh Shahnnon untuk menggambarkan kemiskinan penduduk dan masalah hidup masyarakat Melayu melalui simbol-simbol bahasa, khususnya penggunaan elemen alam seperti binatang liar (harimau) dan hujan. Shahnnon dalam novel *Ranjau*

Sepanjang Jalan, membina imej-imej etnoforestri produksi melalui pembukaan sawah-sawah padi yang memanfaatkan sepenuhnya keseimbangan ekosistem dan biodiversiti. Proses etnoforestri produksi digambarkan melalui watak Lahuma, Jeha dan keluarganya:

“Dia akan sekali lagi turun ke bendang. Mencabut benih, menanam, menyulam mana-mana batang padi yang tumbang, merumput, menghalau burung tiak, mengetam, mengusung gemal-gemal padi ke jelapang, dia akan mengirik, menumbuk padi dan menanam. Dan nasi itu akan dimakannya bersama Lahuma, bersama Sanah, bersama Milah, bersama Jenab, bersama Semek, bersama Lebar, bersama Kiah” (Shahnon Ahmad, 1966: 49).

“Sanah teringat kepada batang-batang **menerung** yang tebal berlapis itu. Tahun ini sempat juga bapa dan emak menetak, tetapi tahun depan hanya dia dan adik-adik sahaja akan menetak batang-batang yang liat itu. Ayunan tajak perlu kuat untuk merebahkan batang-batang menerung itu ke bumi” (Shahnon Ahmad, 1966, hlm.258).

Elemen etnoforestri produksi turut dibina oleh Shahnon dengan gambaran kelompok sosial yang memiliki pergantungan terhadap pertanian yang berasaskan hutan dan sumber-sumbernya secara menyeluruh dalam *Srengenge*. Kesuburan tanah serta kekayaan biodiversiti di Bukit Srengenge menjadi premis utama yang mendorong kawasan tersebut dirancang untuk diterokai sebagai kawasan pertanian oleh penduduk.

“Srengenge wajib ditutuh satu hari. Merbaunya, merantinya, pinang baiknya wajib ditutuh. Rotan sega badaknya, rotan manau telurnya, akar cirit murainya wajib disentak satu hari; baik songsang atau tidak songsang. Dan, banir-banir yang sepermeluk dua tiga pemeluk itu wajib ditumbangkan dan dibakar sampai benar-benar menyembang bumi. Biar kayu-kayan diganti dengan kulat, jambak, pisang, jari buaya, pisang awak raja, labu kerambil, timun dendang lonjong, peria, ubi keling dan terung” (Shahnon Ahmad, 1973, hlm.1).

Penerokaan hutan untuk pertanian dan sumber makanan seperti yang diketengahkan oleh Shahanon dalam *Srengenge* tersebut dapat difahami dalam etnoforestri Pandey sebagai pemanfaatan pengetahuan tradisional dan kearifan tempatan untuk kelangsungan hidup oleh kelompok-kelompok sosial tertentu. Pandey menekankan peranan masyarakat tradisional dalam pemuliharaan biodiversiti melalui kegiatan pertanian yang terkawal dan pemanfaatan sumber secara tidak ketara (1998; 2003; 2007; Studley, 2004; Herriman, 2018). Dalam perspektif ini, novel *Srengenge* dapat difahami sebagai keupayaan masyarakat di kakit bukit Srengenge mengurus dan mengekalkan ekosistem, biodiversiti dan kekayaan mineral tanah hingga bukit tersebut menjadi tumpuan segenap penduduk.

“Sesungguhnya, Srengenge menjadi pusat tumpuan sebahagian besar anak buah Kampung Kaki Srengenge. Meskipun tumpuan-tumpuan itu mempunyai kepentingan sendiri-sendiri pula, namun Srengenge selama ini telah menjadi tempat melepaskan lelah, terutama musim menunggu padi masak di baruh. Lagi tiga empat bulan bukit itu tidak akan menerima sebarang tetamu. Para tamu dari anak Kampung kaki Srengenge sudah pasti sibuk dengan padi di baruh” (Shahnon Ahmad, 1973, hlm.33).

Dalam perspektif etnoforestri Pandey (1998), konsep produksi tidak sepenuhnya berasaskan kepada penggunaan tanah dan hutan sebagai kawasan pertanian, tetapi juga merujuk kepada pengeksploitasian dan penerokaan sumber-sumber hutan, sama ada tumbuhan, paya dan binatang. Dalam pengertian lain, masyarakat setempat membina konsep pengurusan hutan yang melibatkan penyertaan masyarakat dalam pengurusan hutan, dan pada masa yang sama memanfaatkan sumber yang ada sebagai faktor-faktor produksi. Antara lain untuk makanan, perubatan, pembinaan dan air

ETNOFORESTRI ADAT RESAM DAN SISTEM KEPERCAYAAN

Hutan, sungai dan laut turut menjadi elemen etnoforestri yang penting untuk dihubungkan dengan perilaku-perilaku budaya sesebuah kelompok sosial, khusus berkaitan dengan adat resam, sistem kepercayaan, dongeng, mitos dan sebagainya (Pandey, 1998; 2002; Debbarma, 2022; Kothari, et al., 2013). Dalam kerangka budaya Melayu, alam turut difahami sebagai ruang nilai dan makna yang berkait rapat dengan hati budi, sistem kepercayaan dan peradaban masyarakat, bukan sekadar sumber material semata-mata (Rozita Che Rodi, 2022). Sistem kepercayaan dan perilaku budaya dalam unsur-unsur ini memiliki kepentingan sebagai medium untuk pemuliharaan dan pengkalan biodiversiti. Pada kedudukan ini, terdapat kaitan yang erat antara cerita-cerita lisan, elemen budaya setempat dan sistem kepercayaan dengan hutan, sungai atau laut. Dalam novel *Srengenge* misalnya digambarkan bukit tersebut memiliki elemen spiritual dan diyakini memiliki 'penjaga' yang perlu diberi persembahan tertentu, selain tidak boleh sewenang-wenangnya meneroka:

“Sekian lama tidak pernah berjamu. Anak buah Kaki Srengenge ini cuma leka ambil sahaja dari Srengenge tetapi tidak pernah memberi apa-apa. Ini mujur juga dia sanggup mengaku. Bagaimana kalau dia terus berdegil tidak mahu bercakap dan terus bersarang dalam jasad Imam Hamad? Bagaimana? Useng sendiri rasa bersalah terhadap datuk-datuk itu” (Shahnon Ahmad, 1973, hlm.189).

Istilah 'datuk-datuk' merujuk kepada kepercayaan penduduk tentang keberadaan semangat dan makhluk halus yang menjaga bukit Srengenge. Pandey dalam kajian terhadap penduduk tradisional di pedalaman negeri Rajashtan merumuskan kelompok masyarakat tersebut membahagikan hutan kepada tiga kawasan iaitu permukiman yang merujuk kepada kawasan tempat tinggal, pertanian dan aktiviti-aktiviti sosioekonomi. Kawasan penyangga pula merupakan hutan yang berupa kawasan yang mengelilingi tempat tinggal penduduk yang menjadi lokasi sumber kayu bakar, perburuan, tumbuhan untuk makanan dan ubat-ubatan serta fungsi-fungsi ekologi. Kawasan larangan pula adalah sinonim dengan kawasan yang dihubungkan dengan elemen spiritual, sistem kepercayaan dan adat resam yang tidak boleh diterokai (Pandey, 1998; 2004).

Dalam novel *Srengenge*, elemen hutan larangan tidak diwujudkan oleh Shahnon, tetapi hutan di bukit Srengenge diletakkan sebagai kawasan pemukiman dan menjadi premis kepada semua aktiviti sosioekonomi hingga dipercayai para 'penunggu' bukit itu sebagai sesuatu yang sangat luar biasa dan 'pemurah':

“Useng kadang-kadang mahu tunduk kepala menyembah Srengenge yang tersergam itu. Kalau tidak Srengenge, entah apalah akan terjadi kepada anak buah Kaki Srengenge ini. Tiang rumah, dinding rumah, papan rumah, atap rumah malah semua rumah dibuat daripada hasil Srengenge juga buah-buah kayu lagi. Beranganlah, cendawan batanglah, buah salaklah; malah kalau dia mahu ingat semua makanan,

hampir semuanya dari Srengenge. Buluh membuat belat tahan ikan di sungai datangnya dari Srengenge juga. Hendak berseronok ramai menjebak landak, menggetah burung pun di bukit Srengenge juga.”

“Sesungguhnya dia tidak tahu apa akan jadi kepada anak-anak Kaki Srengenge kalau umpamanya Srengenge tidak ada. Tetapi orang tidak pernah ingat semuanya. Orang terlalu mabuk. Orang terlalu gila hendak seronok. Elok kalau setahun sekali berjamu. Sekarang apabila sahaja Srengenge mengamuk, baru tergopoh-gapah” (Shahnon Ahmad,, 1966, hlm.73).

Dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*, Shahnon membina etnoforestri adat resam dan sistem kepercayaan yang paradoks apabila meletakkan dalam konflik antara manusia dengan alam. Alam dan ekosistem digambarkan sebagai imej ‘ujian’ Tuhan kepada manusia (Lahuma, Jeha dan anak-anak mereka). Antaranya, mereka terpaksa berhadapan dengan hujan dan ketam-ketam kecil yang memusnahkan benih padi yang baharu disemai, selain ancaman burung *tiak* yang memakan hasil padi, lintah, ular tedung di sawah padi. Banyak lintah dalam sawah padi milik Lahuma dijelaskan oleh Shahnon melalui monolog:

“Aku tidak akan membunuh kau, kalau kau tidak menghisap darahku. Tapi bila aku habis menabur semai aku akan mengharung air ini. Dan di kala itu, kalau kau semua masuk datang mengapuk pada betisku dan menghisap darahku, darah biniku dan darah anak-anakku, aku akan bunuh semua. Aku akan cincang dengan parang tajam. Aku akan bubuh racun semuanya (Shahnon Ahmad, 1966, hlm.14).

Dalam konteks ini, konflik antara Lahuma dan lintah tidak wajar dibaca sekadar sebagai pertentangan antara manusia dan alam, sebaliknya sebagai pertembungan antara rasionaliti moden yang berorientasikan penguasaan dengan kosmologi tradisional yang menekankan keharmonian dan batas dalam eksploitasi alam. Kepercayaan terhadap semangat tanah berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang secara tidak langsung menghalang eksploitasi berlebihan serta memelihara keseimbangan ekologi. Dengan itu, tindakan Lahuma mencerminkan ketegangan antara keinginan manusia untuk menundukkan alam dan keperluan untuk menghormati sistem ekologi yang telah lama dijaga melalui amalan budaya dan kepercayaan tradisional.

KESIMPULAN

Novel *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* dapat difahami sebagai bukti Shahnon Ahmad tentang beberapa elemen etnoforestri seperti yang dikemukakan oleh Deep Narayan Pandey yang merangkumi etnoforestri perlindungan, perladangan, produksi dan perhutanan, pertanian adat resam dan sistem kepercayaan. Shahnon dalam ketiga-tiga novel ini telah membina perbincangan tentang alam sekitar, ekosistem, keseimbangan biodiversiti dan pelbagai aspek penggunaan tanah mampam melalui watak, latar sosial dan latar tempat dengan baik. Misalnya, pembukaan tanah pertanian dan pemanfaatan sumber hutan oleh penduduk di Kaki Srengenge dalam novel *Srengenge* dapat difahami dalam perspektif etnoforestri Pandey sebagai etnoforestri produksi dan pertanian hutan. Dalam pengertian lain, garapan Shahnon dalam *Srengenge* tersebut merupakan dimensi hubungan budaya hutan antara masyarakat setempat dengan persekitaran mereka berdasarkan aktiviti-aktiviti sosioekonomi, pemanfaatan sumber, dan pada masa yang sama merupakan gambaran strategi pemuliharaan hutan yang diserap dalam kepercayaan sosial dan rohani. Meskipun Shahnon tidak meletakkan objektif etnoforestri dalam ketiga-tiga novel tersebut, tetapi ia tetap dapat difahami

bagaimana beliau membahas elemen etnoforestri dengan berkesan, khususnya dalam pemuliharaan ekologi melalui kaedah tradisional dan kearifan tempatan masyarakat Melayu sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Oleh itu, novel-novel ini dapat difahami dalam konteks taksonomi kearifan dan pengetahuan tempatan terhadap hutan ekosistem dan biodiversiti oleh Shahnnon dengan berkesan. Hasil kajian ini diharap dapat memperkuat kefahaman terhadap hubungan manusia–alam dalam sastra Melayu dan memberi sumbangan terhadap wacana kelestarian budaya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENULIS

Azman Ismail bertanggungjawab sebagai penyelidik utama yang merangka kerangka konseptual kajian, menentukan pendekatan etnoforestri sebagai asas analisis, menjalankan analisis teks terhadap novel-novel Shahnnon Ahmad serta menulis draf utama artikel. Sarah Samsudin menyumbang dalam pengumpulan bahan rujukan, pengukuhan tinjauan literatur serta membantu dalam pemurnian analisis konseptual dan perbincangan dapatan. Hazny Saleh terlibat dalam penyusunan metodologi kajian, pengaplikasian analisis kandungan serta semakan koheren hujah dan struktur penulisan. Nur ‘Izzatty Muhiddin pula menyumbang dalam penyemakan bahasa, konsistensi istilah, pematuhan format akademik dan gaya penulisan jurnal, serta membantu proses penyuntingan akhir manuskrip. Semua penulis telah membaca, menyemak dan meluluskan versi akhir makalah ini.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

Albuquerque, U. P., Cunha, L. V. F. C., Lucena, R. F. P., & Alves, R. R. N. (2014). *Methods and techniques in ethnobiology and ethnoecology*. Springer.

- Azman Ismail. (2018). Novel-novel Shahnnon Ahmad dalam perspektif etnografi semantik. *Rumpun*, 6, 12–31.
- Berelson, B. (2008). *Content analysis in communication research*. The Free Press.
- Bergendorff, S. (2007). Cultural complexity and development policy. *The European Journal of Development Research*, 19(2), 195–209. <https://doi.org/10.1080/09578810701289203>
- Berkes, F., & Colding, J. (1993). Traditional ecological knowledge in perspective. In J. T. Inglis (Ed.), *Traditional ecological knowledge: Concepts and cases* (pp. 1–9). International Development Research Centre.
- Charnley, S., Fischer, A. P., & Jones, E. T. (2007). Integrating traditional and local ecological knowledge into forest biodiversity conservation in the Pacific Northwest. *Forest Ecology and Management*, 246(1), 14–28. <https://doi.org/10.1016/j.foreco.2007.03.047>
- Cheveau, M., Imbeau, L., Drapeau, P., & Bélanger, L. (2008). Current status and future directions of traditional ecological knowledge in forest management: A review. *The Forestry Chronicle*, 84(2), 231–243. <https://doi.org/10.5558/tfc84231-2>
- Debbarma, B. (2022). Traditional ecological knowledge: Convergence of culture and environment. *Paripex: Indian Journal of Research*, 11(3), 71–78.
- Garrard, G. (2004). *Ecocriticism*. Routledge.
- Gerique, A. (2006). *An introduction to ethnoecology and ethnobotany: Theory and methods*. University of Giessen Press.
- Goodenough, W. F. (1956). Componential analysis and the study of meaning. *Language*, 32(1), 195–216. <https://doi.org/10.2307/410665>
- Hardesty, D. L. (1977). *Ecological anthropology*. McGraw-Hill.
- Herriman, N. (2018). Management of biodiversity: Creating conceptual space for indigenous conservation. *Journal of Ecological Anthropology*, 19(1), 42–52.
- Jean-Georges, C. (2016). Relations between man and the environment through the analysis of the symbolism of herbs and trees in Caribbean literature. *Open Access Library Journal*, 3, 1–17. <https://doi.org/10.4236/oalib.1102505>
- Kothari, A., Camill, P., & Brown, J. (2013). Conservation as if people also mattered: Policy and practice of community-based conservation. *Ashoka Trust for Research in Ecology and the Environment*, 11(1), 1–5.
- Little, C. C. (2013). *Transforming work: Early modern pastoral and late medieval poetry*. University of Notre Dame Press.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). Srengenge: Simbolisme konflik nilai. Dalam H. Hamdani & Z. A. Jaafar (Eds.), *Shahnnon Ahmad dalam esei dan kritikan* (Hlm. 34-45). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naess, A. (1993). Beautiful action: Its function in the ecological crisis. *Environmental Values*, 2(1), 67–71. <https://doi.org/10.3197/096327193776680021>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2023). Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 1–21. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.1>
- Pandey, D. N. (1998). *Ethnoforestry: Local knowledge for sustainable forestry and livelihood security*. Asia Forest Network & Forestry Development Project.
- Pandey, D. N. (2001). *Ethnoforestry practices for conservation and management of biological diversity in Mewar region of Rajasthan, India* [Unpublished doctoral dissertation]. FRI Deemed University.
- Pandey, D. N. (2002). *Traditional knowledge systems for biodiversity conservation* (FAO Forestry Paper No. 22). FAO.
- Pandey, D. N. (2003). Cultural resources for conservation sciences. *Conservation Biology*, 17(2), 633–635. <https://doi.org/10.1046/j.1523-1739.2003.01434.x>

- Pandey, D. N. (2004). *Traditional knowledge systems for biodiversity conservation*. Indian Institute of Forest Management.
- Pandey, D. N. (2007). Multifunctional agroforestry systems in India. *Current Science*, 92(4), 455–463.
- Paravisini-Gebert, L. (2008). *Literature of the Caribbean*. Bloomsbury Publishing.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157–180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Shahnon Ahmad. (1965). *Rentong*. Penerbitan Abas Bandung.
- Shahnon Ahmad. (1966). *Ranjau sepanjang jalan*. Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. (1973). *Srengenge*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sillitoe, P. (2006). Introduction: Indigenous knowledge in development. *Anthropology in Action*, 13(3), 1–12. <https://doi.org/10.3167/aia.2006.130301>
- Spradley, J. P. (1972). *Culture and cognition: Rules, maps, and plans*. Chandler.
- Studley, J. F. (2004). The challenge of ethno-forestry: The predicament of traditional local forestry practices around Lugu Lake in China. *Tree Foundation*, 64, 16–17.
- Vayda, A. P. (1983). Progressive contextualization: Methods for research in human ecology. *Human Ecology*, 11(3), 265–281. <https://doi.org/10.1007/BF00891343>
- Werner, O. (1972). Ethnoscience. *Annual Review of Anthropology*, 1, 271–308. <https://doi.org/10.1146/annurev.an.01.100172.001415>
- Zeller, L., Forster, A., Keye, C., Meyer, P., Roschak, C., & Ammer, C. (2023). What does literature tell us about the relationship between forest structural attributes and species richness in temperate forests? A review. *Ecological Indicators*, 153, Article 110509. <https://doi.org/10.1016/j.ecolind.2023.110509>